



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047
Tarikh : 30 Jun 2016

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 16 TAHUN 2016

PENGUNAAN HRMIS DALAM URUSAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT), LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT), PENGISYTIHARAN HARTA DAN REKOD PERIBADI (PENDIDIKAN)

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk

2. Dimaklumkan bahawa pihak JPA telah menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi pelaksanaan beberapa modul di dalam sistem HRMIS kepada Ketua Setiausaha MPIC serta agensi-agensi di bawah kawalannya dan secara langsung telah menjadi KPI Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia.
3. Terdapat enam (6) modul yang diwajibkan di mana tiga (3) daripadanya melibatkan anggota LGM secara individu iaitu **Modul Sasaran Kerja Tahunan (SKT), Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT), Pengisytiharan Harta dan Rekod Peribadi (Pendidikan)** yang telah diwajibkan untuk digunapakai melalui sistem HRMIS. Dengan pelaksanaan modul SKT/LNPT melalui sistem HRMIS ini, borang LNPT tidak lagi akan digunapakai secara manual *kecuali bagi anggota yang dilantik secara kontrak*.
4. Sehubungan dengan ini, pada Mesyuarat MPT Bilangan 19 Tahun 2016, MPT telah bersetuju KPI HRMIS selain menjadi KPI Ketua Pengarah, ianya juga menjadi KPI kepada Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian, Ketua Unit/Program, Pengarah Wilayah, Pengurus Stesen dan Pengarah Negeri serta komitmen dari setiap warga LGM yang lain. Penetapan Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua juga ditetapkan seperti berikut:

- i) Pengarah Bahagian :
 - a. PPP = Timbalan Ketua Pengarah
 - b. PPK = Ketua Pengarah
- ii) Ketua Unit :
 - a. PPP= Pengarah Bahagian
 - b. PPK= Timbalan Ketua Pengarah
- iii) Pegawai/ Pengarah Negeri :
 - a. PPP= Ketua Unit /Ketua Program/ Pengarah Wilayah
 - b. PPK= Pengarah Bahagian
- iv) Kumpulan Pelaksana :
 - a. PPP= Pegawai Bertanggungjawab
 - b. PPK= Ketua Unit/Program/ Pengarah Wilayah/ Pengurus Stesen
- v) Pegawai Tadbir (Penguatkuasa) /Penolong Pegawai Penguatkuasa/Pembantu Penguatkuasa yang bertugas di Pejabat Negeri/Wilayah/Stesen :
 - a. PPP= Pengarah Negeri/Wilayah/Stesen
 - b. PPK= KUDPP
- v) Anggota yang bertugas terus di bawah ketua seperti Setiausaha Pejabat/Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) kepada Ketua Pengarah/Timbalan Ketua Pengarah/Pengarah Bahagian/Ketua Unit/Pengarah Wilayah/Pengurus Stesen/Ketua Program, maka PPP dan PPK adalah Ketua Pengarah/Timbalan Ketua Pengarah/Pengarah Bahagian/Ketua Unit/Pengarah Wilayah/Pengurus Stesen dan Ketua Program sahaja.

5. Kerjasama dari semua anggota LGM adalah diperlukan bagi memastikan pencapaian pelaksanaan penggunaan HRMIS bagi modul-modul yang ditetapkan mencapai KPI yang ditetapkan.

Sekian dimaklumkan. terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF'



(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k: Y.Bhg. Datuk Ketua Pengarah
 Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
 Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
 Pengarah-Pengarah Bahagian
 Ketua Unit Pentadbiran
 Ketua Unit Kewangan dan Akaun